

DATUK ALI ADA VISI?

Pengenalan

1. Sesiapa sahaja berhak menilai pemimpin mereka mengikut kaca mata, kayu pengukur dan selera masing-masing. Ada yang mahu menilai kekuatan daya fikir, daya pimpin, integriti, nilai murni atau keagamaan pemimpin. Ada pula yang mahu menilai wawasannya.
2. Yang penting ialah semua pihak wajar mengakui bahawa tidak ada siapapun yang boleh memonopoli kebenaran. Tidak ada siapa yang seratus peratus betul dan tidak ada pula yang seratus peratus salah.

Kepimpinan Berwawasan

3. Di sini saya hanya mahu menyorot ciri **keimpinan berwawasan** (*visionary leadership*) dan meneliti sejauh mana **Datuk Seri Hj. Mohd Ali Mohd Rustam (DAR)** memiliki sifat tersebut. Yang lebih utama, saya ingin melihat **sejauh manakah wawasan beliau itu berpaksikan kepentingan Melayu?**
4. Sifat-sifat beliau yang lain seperti **setia kepada ketua, gigih bekerja, pantas bertindak, mesra rakyat, rapat dengan akar umbi, suka menolong orang susah, tidak melupakan kawan dan memuji di belakang** sudahpun diketahui dan diakui ramai.
5. Mengenai perkataan **‘wawasan’** itu sendiri, tidak perlulah saya mentakrifkannya secara akademik. Cukuplah sekadar saya

menggunakan makna yang ‘lazimnya’ difahami umum iaitu **berfikiran / berpandangan jauh**. Pengikut atau orang biasa lazimnya tak mampu berfikir sedemikian.

Visi Melaka Maju 2010

6. Antara keputusan awal yang DAR umumkan semasa menjadi Ketua Menteri Melaka pada **2 Disember 1999** ialah merealisasikan **Visi Melaka Maju 2010**. Pengumuman ini amat penting bagi rakyat Melaka kerana mereka ingin tahu arah tuju dan matlamat yang hendak dicapai melalui arus pembangunan yang dirancangkan itu. Berdasarkan pengumuman tersebut, rakyat kini telah tahu ke arah mana mereka hendak dibawa oleh DAR selaku pemimpin negeri.
7. Pada masa yang sama, rakyat juga ingin tahu bentuk dan rupa negeri maju yang hendak dicapai itu. Justeru, apa yang lebih penting selepas pengumuman tersebut ialah pengisian dan pemantauan wawasan berkenaan.
8. Secara serius, pragmatis dan realistik, beliau telah mengenalpasti dan menggunakan indikator yang disediakan oleh **Unit Perancang Ekonomi (EPU)** dan **Pertubuhan Bagi Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD)** dalam usaha untuk merealisasikan negeri maju. Lantaran itu pembangunan Melaka sebagai negeri maju adalah berdasarkan acuan indikator-indikator berkenaan. Justeru Melaka maju tidaklah terbentuk seperti ameba!

9. Pendekatan ini telah membezakan Melaka dengan negeri-negeri lain yang turut mahu menjadi maju tetapi tidak menggunakan indikator yang diiktiraf oleh badan-badan yang berwibawa.
10. Kemajuan Negeri Melaka dipantau dan diukur dengan menggunakan dua set indikator tersebut. Maklumat dikemaskini secara berkala.
11. Setiap tahun dianjurkan **Seminar Melaka Maju 2010** untuk dimaklumkan kepada orang awam tahap pencapaiannya, di samping mendapatkan maklumbalas daripada mereka. Sekali gus kaedah ini memberi ruang penyertaan awam, memaparkan ketelusan kepimpinan beliau serta membuktikan beliau adalah *accountable* kepada rakyat.
12. Pada tahun ini, Seminar Melaka Maju 2010 akan dianjurkan pada **18 & 19 Ogos** nanti.
13. Soalan yang perlu ditanya di sini ialah sejauh manakah wawasan Melaka Maju ini menguntungkan kita sebagai orang Melayu?
14. Bangsa kita merupakan **63%** penduduk Melaka tetapi kita **tidak** menguasai hatta **15%** pun ekonomi Melaka. Walaupun ekonomi dan taraf hidup semua kaum telah meningkat sejak merdeka namun kita masih jauh tertinggal di belakang jika dibandingkan dengan kaum-kaum lain.
15. Sekiranya Melaka tidak dimajukan maka sebahagian besar bangsa kita yang akan terus tercicir di belakang. Sebaliknya, jika Melaka

dimajukan maka berpeluanglah kita meningkat dalam berbagai bidang melalui **“pertumbuhan yang diagihkan”** (*distribution with growth*); bukan dengan merampas hak kaum-kaum lain!

16. Sebagai contoh, pusat pertumbuhan baru di Melaka Sentral, terminal bas terbesar di Asia Tenggara, memberi peluang kepada orang kita untuk berniaga dalam persekitaran moden, bersih dan selesa. Kampus bandar UiTM (*UiTM city campus*) pula menghidupkan semula kawasan perniagaan Melayu di sekitar Jalan Hang Tuah.
17. Untuk memastikan orang Melayu turut mendapat faedah daripada wawasan Melaka Maju ini maka DAR telah menubuhkan **Majlis Tindakan Sosio-ekonomi Bumiputera** untuk memantau prestasi pencapaian kaum kita, termasuk menganjurkan **Seminar Melayu Melaka Maju 2010** sejak **2006**.

Pembangunan Kawasan MITC

18. Satu lagi wawasan beliau yang kini telah hampir *materialise* sepenuhnya ialah **pembangunan kawasan MITC**. Siapa boleh bayangkan kawasan paya seluas **173 ekar** boleh menjadi sebuah pusat pentadbiran, perniagaan dan konvensyen dalam masa lapan tahun? Ia akan menjadi sebuah pusat pertumbuhan ekonomi yang *vibrant*! InsyaAllah.
19. Pembangunan kawasan ini memberi peluang untuk menonjolkan pemilikan, pengurusan dan keperibadian Melayu dengan bertiang-

serikan rumah Allah. Ia memberi peluang kepada orang kita, antara lain, untuk menguruskan pusat konvensyen, hotel, pusat *R & D* dalam bidang biotek, pusat inkubator *ICT* dan restoran.

Transformasi Ekonomi

20. Wawasan beliau yang lebih besar ialah melihat **transformasi ekonomi** Melaka daripada yang **berasaskan pengeluaran (*p-economy*)** kepada yang **berasaskan pengetahuan (*k-economy*)**. Wawasan ini adalah bersandarkan hakikat bahawa Melaka tidak mempunyai sumber asli yang banyak dan hanya memiliki keluasan tanah yang terhad. Justeru bagi kemakmuran generasi akan datang, tumpuan ekonomi hendaklah kepada eksploitasi modal insan.
21. Lantaran itu, beliau telah menumpukan kepada bidang **pembuatan berteknologi tinggi, *ICT*, biotek dan pelancongan**. Bidang-bidang ini bukan sahaja mampu memacu ekonomi dengan lebih pantas lagi tetapi juga berupaya meningkatkan pendapatan melalui pekerjaan yang berkualiti; sekali gus menghapuskan kemiskinan dan mengurangkan tahap kebergantungan kepada buruh asing.
22. Dalam menguruskan transformasi tersebut, beliau bertindak sebagai *CEO* dan *salesman*. Manifestasi komitmen beliau dapat dilihat dari kejayaan menarik pelaburan seperti berikut:

* Pembuatan berteknologi tinggi - **RM7.5billion; 10,325**
pekerjaan

* Industri berkaitan ICT	-	RM6.5 bilion;	19,138
			pekerjaan
* Biotek	-	RM2 bilion;	5,387
			pekerjaan

23. Dalam kerancangan usaha tersebut, apa faedah yang boleh diperolehi oleh orang kita?
24. Untuk memastikan orang Melayu turut mendapat faedahnya, antara lain, DAR telah menubuhkan **Bahagian Perusahaan Kecil & Sederhana (PKS)** dan **Pusat Khidmat PKS**. Tujuan utama ialah untuk memberi ruang, peluang dan *linkages* kepada PKS Melayu supaya menceburkan diri dalam ketiga-tiga bidang ini. Justeru mereka tidak lagi tertumpu dalam perusahaan kecil yang sudah *over crowded* seperti membuat belacan, dodol dan kerepek.
25. Dalam bidang pelancongan pula, beliau telah berjaya mengeksploitasi kekuatan semula jadi Melaka dengan menjadikannya sebagai destinasi pelancongan yang unggul. Beliau berjaya memukau pelancong dengan cogan kata **“Melawat Melaka Bersejarah Bererti Melawat Malaysia”**.
26. Sesungguhnya pengiktirafan *UNESCO* dengan memasukkan Melaka dalam **Tapak Warisan Dunia (World Heritage Site)** pada **7 Julai** lalu merupakan kemuncak usaha DAR untuk menobatkan Melaka sebagai negeri bersejarah.

27. Di samping sejarah, beliau telah mengenalpasti **11** lagi sub sektor pelancongan dalam usaha ‘menjual’ Melaka. Sebenarnya inilah usaha strategik beliau iaitu **memasarkan produk pelancongan Melaka selaras dengan permintaan pasaran.**
28. Dalam pada itu, DAR menekankan **pelancongan kesihatan, pendidikan dan konvensyen** kerana beliau dapat melihatnya sebagai *niche products* yang mempunyai *growth potential* yang besar. Bidang-bidang ini juga mampu menarik para pelancong yang berkualiti (berbelanja besar dan tinggal lama).
29. Lonjakan **173%** kedatangan pelancong antara tahun 2000 (**2.2 juta orang**) dan 2007 (**6.0 juta orang**) membuktikan kejayaan wawasan mewujudkan *k-economy* melalui sektor pelancongan.
30. Kebanjiran pelancong ini bukan sahaja menguntungkan hotel, restoran dan kedai-kedai berjenama di Mahkota Parade dan Dataran Pahlawan tetapi turut memberi pendapatan kepada pihak-pihak lain seperti pemandu teksi, penarik beca, penjual cenderamata dan peniaga ikan bakar. Mereka ini adalah rata-rata orang Melayu.
31. Kehadiran lebih **60 ribu** penuntut IPT bukan sahaja memberi pendapatan kepada pemilik rumah tetapi juga kepada peniaga kedai makan dan warong kerana sekurang-kurangnya **RM600 ribu** dibelanjakan setiap hari untuk makan minum sahaja. Sebahagian besar peniaga ini adalah orang Melayu!

Politik

32. Sebagai seorang ahli politik, keutamaan beliau bukan sekadar kekal sebagai Ketua Bahagian atau Naib Presiden UMNO. Yang lebih utama ialah UMNO/BN hendaklah terus kuat dan kekal memerintah. Untuk terus memerintah, kawasan majoriti Melayu hendaklah dikekalkan dan di kawasan minoriti Melayu pula, bilangan pengundi kita hendaklah ditambah. Wawasan inilah yang menjamin *survival* Melayu.
33. Lantaran itu, beliau telah berusaha menambah pengundi Melayu di DUN Kota Laksamana dengan membuka kampus bandar UiTM; juga di DUN Bacang dan DUN Ayer Keroh dengan menambah kawasan perumahan Melayu. Dijangka impaknya akan dapat dilihat dalam Pilihan Raya Ke 13 nanti.

Pembangunan Sg. Melaka

34. Seterusnya saya ingin *highlight* wawasan beliau untuk menghidup dan memakmurkan semula Sg. Melaka seperti di zaman kegemilangan Empayar Kesultanan Melayu Melaka. Pada zaman itu, **Tome' Pires** menggelarkan Melaka sebagai *Venice of the East!*
35. Siapa dapat bayangkan sebatang sungai yang kotor, busuk, bersampah sarap dan dipenuhi dengan perahu dan bot nelayan boleh bertukar menjadi sebatang sungai yang cantik, bersih serta hidup dengan aktiviti ekonomi dan pelancongan? Sg. Melaka dijangka berjaya

- menjadi pusat pertumbuhan ekonomi yang baru dengan menjana pendapatan tahunan sebanyak **RM130 juta** dan **1,000** pekerjaan baru.
36. Dengan adanya pusat pertumbuhan baru ini maka berpeluanglah orang Melayu untuk berniaga dan bekerja tanpa merampas hak kaum lain.
 37. Untuk mengetahui serba ringkas cabaran membangunkan Sg. Melaka ini, silalah baca artikel DAR dalam blog Mohdalirustam.com bertajuk ***LIVABLE CITIES FOR TOMORROW - City of Historic Melaka's Experience.***
 38. Sebenarnya Wawasan DAR bukan sekadar untuk menghidupkan semula *Venice of the East* tetapi beliau mahu menjadikan Sg. Melaka sebagai *model* untuk dicontohi oleh Eropah dan Amerika. Beliau mahu melihat beberapa batang sungai di benua tersebut diberi jolokan ***Melaka of the West!***
 39. Inilah usaha kemuncak DAR ke arah mengantarabangsakan *brand* Melayu dan seterusnya mengangkat darjat dan mertabat bangsanya ke persada dunia.

Dunia Melayu Dunia Islam (DMDI)

40. Akhir sekali saya ingin menyentuh tentang wawasan DAR yang mahu menyatukan umat Melayu dan umat Islam yang bertabur di seantero dunia.
41. Berkat usaha kegigihan beliau selama lapan tahun yang lalu, beliau telah berjaya menyatukan **300 juta** penduduk Melayu-Islam yang

- terdapat di **13 buah negara** atau **17%** daripada umat Islam seramai **1.8 bilion** di bawah payung **Dunia Melayu Dunia Islam (DMDI)**.
42. Dalam usia lapan tahun DMDI diwujudkan, kini DAR telah berjaya setapak demi setapak ke arah merealisasikan **wawasan** penubuhannya iaitu sebagai **platform yang berkesan untuk merapatkan silaturrahim dan menggembeng sumber DMDI bagi kesatuan, perpaduan, kemajuan dan kesejahteraan umat Melayu dan Islam sejagat**.
43. Pada masa yang sama, di bawah panji-panji DMDI, beliau berjaya mewujudkan saiz pasaran yang besar dan sekali gus ia merupakan kuasa politik-ekonomi yang strategik bagi manfaat umat Melayu-Islam.
44. Antara kejayaan utama DMDI yang memberi manfaat kepada umat Melayu-Islam ialah:
- menghidupkan semula budaya dan bahasa Melayu di Cape Town, Afrika Selatan dan Kampuchea,
 - membantu pembelajaran agama Islam di Kampuchea,
 - membantu mangsa Tsunami di Aceh, termasuk memelihara **25 orang** anak yatim dengan mendirikan sekolah dan asrama untuk mereka,
 - mewujudkan *social and business linkages and networking*, dan
 - dalam proses merancang pembinaan **jambatan Melaka – Riau** dan pengwujudan **Bank DMDI** yang bakal menjadi mercu tanda institusi ini.

45. Berdasarkan **enam** contoh wawasan utama di atas, saya yakin DAR adalah seorang **pemimpin yang berwawasan**. Pada masa yang sama, kita dapat melihat sifat-sifat beliau yang lain seperti **pragmatik, realistik dan berpemikiran strategik**.
46. Namun, yang lebih penting bagi rakyat ialah apa faedah yang boleh mereka nikmati hasil kepimpinan yang dikatakan berwawasan, pragmatik dan strategik itu?

Faedah

47. Pada pemerhatian saya, amat ketara sekali bahawa dalam tempoh lapan tahun yang lalu, melalui perancangan DAR yang teliti dan menggunakan kaedah pembangunan berimbang dan mampan serta dipandu pula oleh wawasan yang jelas, rakyat Melaka telah menikmati tahap pembangunan yang sangat dicemburui oleh lawan dan disegani oleh kawan.
48. Lebih penting dan patut dihargai ialah **semua wawasan dan rancangan pembangunan DAR itu bersendikan kepentingan Melayu**; selaras dengan pandangan **Stephen R. Covey “Mula Dengan Mengingat Matlamat”**. Matlamat beliau ialah untuk memaju dan menjulang bangsa Melayu yang agar bertaraf *global*.
49. Dalam tempoh tersebut (2000 – 2007), Melaka telah berjaya:
- menikmati pertumbuhan ekonomi yang tinggi (purata **6.3%** setahun),

- menjadi pusat pelaburan yang menarik (kenaikan nilai pelaburan sebanyak **280%**),
- mencatatkan kenaikan GDP per kapita sebanyak **45%**,
- merekodkan peningkatan purata pendapatan bulanan isi rumah sebanyak **51%**,
- mengurangkan kadar kemiskinan dari **5.7%** kepada **1.8%**; kadar kemiskinan Melayu adalah yang **terendah (1.3%)**,
- mewujudkan guna tenaga penuh dengan kadar pengangguran terendah,
- merapatkan jurang luar bandar–bandar (dari **1:1.47** kepada **1:1.42**); jurang ketidaksamarataan Melayu adalah yang **terkecil (0.359)**,
- mengekalkan kadar inflasi yang rendah (purata **2.4%** setahun),
- mewujudkan suasana keselamatan yang lebih baik (kadar jenayah menurun dari **820** per 100,000 penduduk pada tahun 2006 kepada **780** per 100,000 penduduk pada tahun 2007),
- mencapai tahap bandaraya mampan selama tiga tahun berturut-turut (2005 – 2007), dan
- mengekalkan kemenangan dengan majoriti dua pertiga dalam Pilihan Raya Ke-12 serta menumpaskan PAS dan PKR.

50. Dalam banyak aspek, pencapaian Melaka itu mengatasi pencapaian Malaysia. Apa lagi yang pengikut/rakyat mahukan daripada DAR? Kita kembalilah ke para 1 dan 2 di atas.

Senator Datuk Akbar Ali
8 Ogos 2008